



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku



**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**


Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



# Diari Perjalanan Aku dan Buku

**Khaleda Alia Mohamad Jamil**

Universiti Teknologi Mara, Kampus Dengkil, Selangor

## Diari Perjalanan Aku dan Buku

Membesar dengan buku adalah perjalanan yang penuh dengan momen-momen yang indah dan bermakna. Setiap buku yang aku baca meninggalkan kesan yang mendalam dan mencipta kenangan yang tidak dapat dilupakan. Sehingga ke saat ini ketika aku telah menginjak alam dewasa, buku adalah tempat aku 'lari' dari dunia nyata dan tenggelam dalam dunia-dunia fiksi yang memberi aku kebahagiaan yang tidak terperi. Berikut adalah beberapa momen personal yang menggambarkan betapa berharganya pengalaman aku membesar dengan buku.

### Saat Pertama Membaca Sendiri

Aku masih ingat dengan jelas saat pertama kali aku berjaya membaca buku sendiri tanpa bantuan sesiapa. Ketika itu, aku berusia sekitar lima tahun, dan buku yang aku baca adalah "The Very Hungry Caterpillar" karya Eric Carle. Aku merasa bangga dan gembira kerana akhirnya dapat membaca kisah tentang ulat kecil yang lapar itu sendiri. Siapa sangka, penemuan aku membaca buku dengan sendiri tanpa bantuan daripada sesiapa telah menjadi titik permulaan cinta dan minat aku terhadap buku. Aku masih ingat ibu dan arwah ayah sangat terkejut melihat perkembangan awal aku yang sehingga kini mereka masih menyimpan momen itu yang dirakam kemas dalam bentuk DVD. Momen ini merupakan titik tolak cinta aku kepada buku dan memberikan keyakinan kepadaku untuk terus menambah kosa kata dan menghayati penggunaan bahasa terutamanya Bahasa Inggeris.

### Perpustakaan sebagai Tempat Perlindungan

Semasa di sekolah menengah, perpustakaan menjadi tempat perlindungan aku. Rakan-rakan seusia aku memang jarang menghabiskan masa di perpustakaan. Kata mereka, perpustakaan ini tak lain hanyalah untuk mereka yang "skema" atau mereka yang mencari sudut untuk tidur. Setiap kali waktu rehat atau selepas tamat sesi persekolahan, aku akan meluangkan masa di perpustakaan sekolah. Bukan itu saja, aku juga merupakan pengawas pusat sumber sewaktu di bangku sekolah lagi. Jadi, perpustakaan memang menjadi tempat ideal untukku menjadi diri sendiri. Aku suka mencari sudut yang sunyi dan tenggelam dalam dunia buku. Buku-buku seperti "Harry Potter" oleh J.K. Rowling dan "Percy Jackson" oleh Rick Riordan membawaku ke dunia yang penuh dengan sihir dan pengembaraan. Selain itu, aku juga gemar membaca karya-karya fiksi remaja dan penulis kegemaranku pada ketika itu adalah Sophie Kinsella terutama sekali buku beliau yang paling popular, iaitu "Confessions of a Shopaholic". Di perpustakaan, aku merasakan ketenangan dan dapat melupakan seketika tekanan dan cabaran yang aku hadapi luar daripada bilik darjah.

## **Kenangan Bersama Arwah Ayah**

Salah satu kenangan terindah aku bersama buku semestinya bersama arwah ayahku. Arwah ayah merupakan seorang ahli perniagaan yang terlibat dalam urusan jual beli buku-buku daripada penerbitan. Ayahku sendiri seorang yang cintakan membaca. Memori yang terpahat kukuh dalam ingatanku tatkala arwah memperkenalkan Reader's Digest, sebuah majalah kecil yang sarat dengan cerita unik dan mencuit hati di dalam bahasa Inggeris. Aku masih ingat lagi bagaimana beliau sangat memberi galakan kepadaku untuk membaca kerana dengan membacalah ia mampu membawa kita ke dunia tanpa sempadan. Kerana membaca jugalah melatih diri kita untuk berfikir dengan lebih matang, lebih ilmiah dan lebih terkehadapan. Momen-momen sebeginilah yang mengeratkan lagi hubungan aku dengan arwah ayah. Dan pada usiaku menginjak ke 30-an ini, aku sangat bersyukur minatku sedari kecil ini telah membawa banyak pengalaman yang menarik yang tidak mampu dibeli dalam bentuk material. Kerana minat ini serta dorongan arwah ayahku jugalah aku menceburi bidang yang aku minati, iaitu pengajian bahasa Inggeris sebagai seorang pengajar. Dan aku berharap dengan minat ini juga aku mampu melahirkan insan-insan muda yang juga cintakan buku.

## **Penemuan Buku Yang Mengubah Perspektif**

Ketika berusia 15 tahun, aku mula memegang buku bertajuk "Gone with the Wind" yang dibeli sewaktu Big Bad Wolf. "Gone with the Wind" oleh Margaret Mitchell adalah sebuah karya agung yang telah menyentuh hati dan minda ramai pembaca di seluruh dunia. Novel epik ini, yang berlatar belakangkan Perang Saudara Amerika, mengisahkan kehidupan Scarlett O'Hara, seorang wanita yang gigih dan berani dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup. Perkara menarik yang banyak mengubah mindaku adalah bagaimana watak utama, iaitu Scarlett, telah mengubah persepsi masyarakat dengan menjadi wanita yang berani dan kuat, di luar kebiasaan sifat feminisme yang ada dalam masyarakat Barat lebih-lebih lagi sewaktu praperang dunia. Memandangkan latar belakang novel ini yang menunjukkan kesan perang kepada kehidupan, aku menelusuri betapa dahsyatnya kesan perang terhadap kehidupan seharian, ekonomi, dan psikologi masyarakat. Disebabkan itu jugalah, aku belajar sedikit sebanyak sejarah silam yang dikarang dalam bentuk cerita. Ia membuka mata aku terhadap realiti bahawa perang bukan hanya tentang kemenangan atau kekalahan di medan perang, tetapi juga tentang penderitaan dan kehilangan yang dialami oleh orang biasa. Novel "Gone with the Wind" juga memukau aku dengan keindahan penulisan dan naratif epiknya. Margaret Mitchell berjaya menggambarkan setiap watak dan latar dengan begitu terperinci sehingga aku merasa seolah-olah berada di dalam dunia tersebut. Ini memberikanku penghargaan yang lebih mendalam terhadap seni penulisan dan kekuatan cerita dalam menyentuh hati dan minda pembaca.

Bukan itu saja, aku juga meminati koleksi buku berbahasa Melayu dan antara yang berjaya mengubah perspektif aku terhadap kehidupan adalah novel karya Melur Jelita. Penulis ini terkenal dengan keupayaannya mengolah emosi dan konflik dengan begitu realistik, hingga setiap ceritanya terasa hidup dan dekat di hati pembaca. Pertemuan pertama aku dengan karya Melur Jelita adalah melalui novel "I Love You, Stupid!" atau singkatannya ILUS. Novel ini menceritakan tentang perjalanan cinta dan pengorbanan yang sangat menyentuh hati. ILUS menceritakan kisah seorang gadis cantik yang juga merupakan anak seorang jutawan tekstil bernama Iris. Kehidupan serba mewahnya terus bertukar setelah beliau menyertai misi kemanusiaan di Kemboja yang mana di situ Iris bertemu dengan Firman, yang juga pembantu peribadi yang diupah oleh bapanya sepanjang keberadaan beliau di Kemboja. Membaca sinopsis cerita ini sepintas lalu pasti memberi bayangan kepada pembaca lain bahawa ini mungkin adalah sebuah lagi kisah cinta antara dua darjat antara Iris dan Firman. Itu juga firasat aku pada awalnya, tetapi setelah aku membaca helaian demi helaian buku ini, apa yang aku sangkakan lebih dari jangkauan awal. Penulis berjaya membawaku seolah-olah aku turut berada bersama Iris dan Firman di bumi Kemboja yang sarat dengan cerita sendiri. Apa yang lebih

seronok, aku juga turut membaca bibliografi penulis dan beliau pernah menyatakan bahawa apa yang diceritakan di dalam novel ini hamper 90 peratus adalah perkara benar di alam realiti kerana pada ketika itu beliau baru saja pulang dari menjalani aktiviti kemanusiaan di Kemboja. Aku belajar dalam hidup yang serba kurang di bumi Kemboja itu sendiri, ada terselit kisah-kisah sentimental bagaimana penduduk Kemboja membina sendiri rasa bahagia mereka walaupun dalam keadaan miskin dan papa kedana. Bagaimana mereka yang beragama Islam di sana cukup menjaga adab dari segi pemakaian dan pergaulan walaupun tiada kemudahan yang lengkap di sekeliling mereka. Pengalaman membaca novel *Melur Jelita* telah mengubah perspektif aku terhadap kehidupan. Aku menjadi lebih matang dalam membuat keputusan dan lebih memahami pentingnya empati dan kesabaran dalam perhubungan.


### **Menulis dan Berkongsi Cerita Sendiri**

Minat aku terhadap membaca akhirnya membawaku kepada dunia penulisan. Aku mula menulis cerita pendek dan puisi, dan berkongsi karya-karyaku dengan rakan-rakan dan guru-guru. Aku masih ingat perasaan gembira apabila karyaku diterbitkan dalam majalah sekolah. Buku-buku yang aku baca memberi inspirasi dan idea untuk karya-karyaku sendiri. Melalui penulisan, aku dapat meluahkan perasaan dan fikiranku dengan cara yang kreatif. Aku juga pernah melalui fasa aktif menulis di blog peribadi dengan berkongsi pelbagai cerita dan pengalaman peribadi bersama pengikutku. Teringat kembali, pada sekitar tahun 2010 artis-artis pemblog seperti Hanis Zalikha melalui penulisan “inibelogsaya”, Vivvy Yusof dengan penulisan “proudduck”, Maria Elena dengan “mariaelena”, Iza Hamid dengan “thepinkstilettos”nya, Nurul Wahid melalui “nurulcakapcakap” dan banyak lagi mempengaruhi yang aku ikuti penulisan mereka di alam maya. Aku tersenyum sendiri mengenang kembali zaman-zaman pemblog di mana rakan-rakanku turut terjebak menulis secara aktif di blog tentang apa saja aktiviti atau kehidupan kami di sekolah setiap hari tanpa putus. Kami cuba mengikuti gaya penulisan pemblog kegemaran kami, dan dari situ juga belajar dengan membaca banyak genre ilmiah demi menambah kosa kata di blog kami. Sayang sungguh zaman tersebut sudah berlalu dan zaman kian mencabar terutama sekali dengan adanya kemunculan *Artificial Intelligence* (AI). Meskipun begitu, aku masih bersyukur berada di fasa pekerjaan yang juga memerlukan aku menulis secara aktif dan akan terus meluahkan idea dan berkongsi pengalaman dan rasa melalui pelbagai medium.

### **Buku Sebagai Peneman Ketika Kesepian**


Dalam fasa aku membesar, bukulah menjadi penemanku yang setia. Zaman remaja, ketika hati dan perasaan sudah mula mengenali rasa suka dan cinta, aku mencari-cari genre “Romance” atau cinta untuk merasai sendiri perasaan dicintai. Namun, tidak dinafikan, ada satu fasa, aku kurang membaca disebabkan peralihan zaman teknologi di mana gajet dan media sosial sudah mempengaruhi kehidupan harian. Namun, ketika arwah ayahku pergi meninggalkan dunia, aku mula mencari perkara yang dapat mengingatkan memoriku dan beliau. Buku dan membaca. Pada saat ini, buku menjadi peneman setia. Novel seperti “*The Catcher in the Rye*” oleh J.D. Salinger dan “*The Perks of Being a Wallflower*” oleh Stephen Chbosky menjadi sahabat yang memahami perasaanku. Melalui watak-watak dalam buku, aku merasakan bahawa aku tidak keseorangan dan ada orang lain yang melalui pengalaman yang sama.

Pengalaman membesar dengan buku telah membentuk siapa aku hari ini. Buku-buku ini memberiku kekuatan, kebijaksanaan, dan inspirasi. Setiap momen membaca adalah anugerah yang memperkayakan jiwa dan mindaku. Aku bersyukur kerana telah diberi peluang untuk membesar dalam dunia yang penuh dengan keajaiban buku, dan berharap agar terus dapat menikmati pengalaman indah ini sepanjang hayat.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

